

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)21

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

21. Berapakah jumlah tangkapan anjing liar di DUN Pulau Betong yang telah dibuat sepanjang tempoh 2022 hingga 2024?
- (a) Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak MBPP bagi menangani masalah ini yang mengganggu persekitaran komuniti Melayu?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Jumlah tangkapan anjing liar di DUN Pulau Betong dari 2022 sehingga bulan April 2024 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Tangkapan (ekor)
2022	58
2023	64
2024 (sehingga April)	22

- (a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sentiasa peka dan menjalankan operasi penangkapan dan kawalan terhadap anjing liar dan terbiar berdasarkan aduan yang diterima di mana pelaksanaannya adalah mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan. MBPP mempunyai dua (2) buah pasukan yang dinamakan sebagai Skuad Penangkap Anjing Liar dan Terbiar yang ditugaskan untuk menjalankan operasi penangkapan dan kawalan di Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya. Antara cabaran yang perlu dihadapi oleh MBPP

adalah kesukaran untuk menangkap anjing-anjing tersebut di kawasan hutan atau berbukit.

Satu Memorandum Persefahaman (MoU) telah dimeterai pada 17 Ogos 2017 antara MBPP dan *Independent Aid for Protection and Welfare of Animals* (IAPWA) bagi mengawal jumlah populasi anjing liar dan terbiar dengan menggunakan kaedah *Trap, Neuter & Release/Rehome* (TNR) yang lebih berperikemanusiaan dan berkesan untuk jangka masa panjang dengan memutuskan kitaran pembiakan. Program ini bertujuan untuk mencapai matlamat kawasan pentadbiran MBPP supaya bebas daripada anjing liar dan terbiar bagi menjamin keselamatan, keharmonian dan kesejahteraan orang awam.

Di samping itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri bersama-sama dengan MBPP akan menjalankan satu kajian mengenai "Persepsi Awam dan Keberkesanan Program TNR untuk Anjing Terbiar di Pulau Pinang" pada bulan Jun tahun 2024.